

CNS4825

U GB 09-06 00168 BA518

BAH

Mahathir - Automasi

DR MAHATHIR MAHU PARA PENGELUAR TINGKATKAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI

T

MUAR, 9 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menekankan perlunya para pengilang sentiasa mempertingkatkan kemampuan teknologi mereka untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja tempatan.

Katanya, dengan kewujudan masalah bekalan di pasaran buruh sekarang berbanding gaji tenaga buruh yang rendah sebelum ini, yang merupakan faktor kelebihan persaingan negara pada masa lepas, para pengeluar hendaklah lebih berautomasi.

"Di samping itu, standard yang bermutu tinggi bagi memenuhi permintaan antarabangsa yang ketat perlu dipatuhi," katanya pada majlis pelancaran kilang tambahan SGS-Thomson Sdn dan sambutan ulangtahunnya yang ke-20, di sini.

Beliau memuji syarikat itu kerana terus menyokong matlamat kerajaan dan telah memindahkan operasi yang banyak menggunakan buruh kepada automasi yang menjimat kos serta mengemaskinikan proses terbabit.

Menerusi pasukan penyelidikan dan pembangunannya di sini, syarikat itu telah mencipta peralatan untuk mengurangkan masa pengeluaran yang turut diterimapakai oleh kilang-kilang SGS-Thomson lain di seluruh dunia. -- Lagi.

▼09/06/13-09MST

U GB 09-06 00147 BA519

BAH

Mahathir - Automasi 2 Muar

Selain itu, SGS-Thomson Corporation di seluruh dunia telah mengikuti langkah kilang tempatan itu dengan menerimpakai konsep Pengurusan Berkualiti Penuhnya yang memenangi Anugerah Kualiti Perdana Menteri tahun lepas, katanya.

"Dengan kumpulan SGS-Thomson di seluruh dunia, kilang Muar juga mempunyai kilang pengeluaran barangan siap yang terbesar, menghasilkan ispadu pengeluaran terbanyak dengan nilai wang yang tertinggi."

Mengenai pelaburan asing yang banyak dalam industri elektronik, Dr Mahathir berkata, sambil kerajaan terus menyambut baik kedatangan mereka, kerajaan juga menggalakkan pelaburan domestik kerana "Malaysia kini mempunyai kepakaran yang mencukupi untuk menyertai sektor ini."

Tahun lepas, eksport elektronik mencatatkan 51.9 peratus daripada jumlah eksport pengeluaran yang bernilai RM90,000 juta dengan alat semikonduktor berjumlah RM17,800 juta atau 38.1 peratus, katanya.

Beliau berkata, Malaysia menyumbang kira-kira 24 peratus daripada jumlah jualan semikonduktor di dunia bagi tempoh yang sama. -- Lagi.

▼09/06/13-16MST

BAH

Mahathir - Automasi 3 Muar

"Sambil kita berbangga bahawa Malaysia telah muncul sebagai pengeluar dan pengeksport alat semikonduktor terbesar di dunia, kita juga harus mempunyai matlamat yang sama untuk barangan lain."

Memandangkan satu daripada teras pembangunan industri elektronik ialah untuk mempelbagai pengeluaran berbagai-bagai barangan elektronik bagi mewujudkan pertalian, beliau berharap para pelabur akan membangunkan pertumbuhan komponen bukan semikonduktor, pengguna dan sektor kecil elektronik perindustrian.

Dr Mahathir berkata, sambil kerajaan menggalakkan syarikat kecil dan sederhana untuk menyertai industri elektronik, syarikat-syarikat besar harus mengeluarkan barangan elektronik nilai-tokok yang tinggi menerusi pelaburan besar dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta membaiki kemampuan merekabentuk.

Mengenai sumbangan sektor pembuatan kepada negara, beliau berkata, sektor itu dijangka menyumbangkan 31.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar manakala sumbangan kepada eksport akan mencapai 75 peratus berbanding 30.1 peratus dan 71 peratus masing-masing tahun lepas.

Katanya, dari Jan hingga April tahun ini, kerajaan telah meluluskan 240 projek dengan pelaburan berjumlah RM5,840 juta termasuk RM2,000 juta oleh pelabur asing. -- Lagi.

▼09/06/13-29MST

CNS4839

U GB 09-06 00156 BA522

BAH

Mahathir - Automasi 4 Muar

Berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, 231 projek diluluskan dengan pelaburan asing sebanyak RM1,110 juta dan pelaburan tempatan RM1,820 juta.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, dalam industri elektronik, pelaburan asing masih menjadi pelabur utama dengan pelaburan berjumlah RM425.9 juta daripada 46 projek yang diluluskan manakala pelaburan tempatan hanya RM15 juta.

Syarikat SGS-Thomson yang mula mengeluarkan transistor epoksi dengan hanya 250 orang kakitangan pada 1974, kini mempunyai 3,000 orang kakitangan dan mengeluarkan pelbagai jenis semikonduktor.

Selain kilang di sini, kumpulan Thomson yang mempunyai pelaburan terkumpul sebanyak RM625 juta, mempunyai tiga kilang lain di Malaysia iaitu Thomson Electronics Parts (Malaysia) Sdn Bhd, Thomson Audio (Muar) Sdn Bhd and Thomson Audio (Kulim) Sdn Bhd.

"Pelaburan semula oleh kumpulan syarikat-syarikat Thomson di Malaysia membuktikan tanggapan tingginya mengenai Malaysia sebagai pangkalan yang berdaya saing dan penting bagi pengeluaran barangan siap," kata Dr Mahathir.

-- Lagi.

▼09/06/13-45MST

CNS4840

U GB 09-06 00074 BA523

BAH

Mahathir - Automasi 5 (Akhir) Muar

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Thomson, S Pasquale Pistorio berkata, tambahan pada kilang itu akan membolehkannya mengeluarkan lebih 2,000 juta alat semikonduktor tahun ini, satu peningkatan 50 peratus daripada tahap kemampuan sekarang.

Katanya, SGS Thomson telah melabur RM150 juta bagi kerja-kerja tambahan kilang itu dan peralatan meniadakan jumlah pelaburan di Muar sebanyak RM620 juta. -- Bernama.